



BERSUARA MENENTANG RASUAH

BUKU PANDUAN PEKERJA

Untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)



TRANSPARENCY
INTERNATIONAL
MALAYSIA



KAMI PERLUKAN ANDA BERSUARA BERSAMA MENENTANG RASUAH DALAM PERNIAGAAN

Transparency International – Malaysia (TI-M) ialah sebuah organisasi bebas bukan kerajaan yang merupakan sebuah badan bertauliah Transparency International.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:
www.transparency.org.my

Diterbitkan oleh:
Transparency International Malaysia
Tel: 03 7960 6630 Faks: 03 7960 8690

Dicetak oleh:
Print Media Temple Sdn. Bhd.

Penafian: Semua watak dan peristiwa dalam buku ini adalah semata-mata fiksyen dan tidak mewakili atau mencerminkan mana-mana orang atau peristiwa dalam kehidupan sebenar.

KANDUNGAN

Apa itu rasuah dan sogokan?	3
Jenis-jenis rasuah perniagaan yang biasa	6
Kesan negatif rasuah	15
Apa yang anda boleh buat untuk membanteras rasuah?	27
Soalan-soalan lazim	30
Glosari	33

PENGENALAN

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) adalah penggerak pertumbuhan yang penting bagi ekonomi Malaysia, ia menyumbang kepada 36.3% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan 65.5% jumlah yang bekerja pada tahun 2015. PKS memainkan peranan yang signifikan dalam pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Malaysia. Peralihan kepada ekonomi berpendapatan tinggi sangat bergantung kepada sumbangan PKS kepada kadar pertumbuhan KDNK. Walau bagaimanapun, PKS terdedah kepada amalan perniagaan yang tidak beretika dengan beroperasi dalam persekitaran yang sangat kompetitif.

Dengan ini, Transparency International-Malaysia (TI-M) ingin mendekati para pekerja di PKS bagi membendung gejala-gejala rasuah dalam bidang perniagaan sebelum ia merebak dan menjelaskan pembangunan ekonomi negara.

Buku panduan ini khusus disediakan untuk semua pekerja yang bertanggungjawab dengan hasrat ia dapat menjadi satu panduan yang berguna untuk menggalakkan etika perniagaan. Buku panduan ini bertujuan untuk melibatkan anda, memperkasakan anda dan meningkatkan kesediaan anda untuk berkongsi pengalaman anda ketika berhadapan dengan masalah rasuah di tempat kerja.

Hubungi khidmat bebas tol TI-M di 1800-220-122 untuk berkongsi kisah dan pengalaman anda berhubung dengan rasuah. Cerita anda akan memberi peluang kepada kami untuk mencari penyelesaian dan berusaha ke arah membentuk persekitaran perniagaan yang bebas rasuah dalam jangka panjang.

Bertindak sekarang untuk menentang rasuah!

APA ITU RASUAH DAN SOGOKAN?

**RASUAH IALAH
PENYALAHGUNAAN
KUASA YANG
DIAMANAHKAN UNTUK
KEUNTUNGAN SENDIRI**

APA ITU SOGOKAN?



DATA RASUAH

ASIA PASIFIK *Barometer Rasuah Global 2017*



60%
daripada rakyat Malaysia
berpandangan bahawa tahap
rasuah telah meningkat.

GCB 2013 – 39%
*Global Corruption Barometer
MCB 2014 – 40%
*Malaysia Corruption Barometer



57%
daripada rakyat Malaysia
berpandangan bahawa polis
terlibat dalam rasuah.



48%
daripada rakyat Malaysia
berpandangan bahawa ahli-ahli
majlis, Pihak Berkusa Tempatan
dan pegawai-pegawai cukai terlibat
dalam rasuah.



46%
daripada rakyat Malaysia
berpandangan bahawa
eksekutif-eksekutif syarikat
terlibat dalam rasuah.

Eksekutif-eksekutif syarikat berada di kedudukan yang  yang paling terjejas oleh rasuah*.

*Daripada 9 institusi & individu berpengaruh di Malaysia.

Bacaan lanjut:

<http://transparency.org.my/what-we-do/indexes/global-corruption-barometer/global-corruption-barometer-asia-pacific-2017/>

—

JENIS-JENIS RASUAH PERNIAGAAN YANG LAZIM

—

PEMBAYARAN KEMUDAHAN

Mempercepatkan proses-proses pembayaran yang dibuat kepada pegawai-pegawai untuk mendapatkan atau mempercepatkan kelulusan dan perkhidmatan rutin yang mereka perlu berikan.

Itu tidak termasuk pembayaran yang dibuat secara terus untuk mendapat atau mengekalkan perniagaan.



PERTOLONGAN



Bersungguh-sungguh untuk menggembirakan syarikat atau individu demi untuk memperolehi manfaat.


Contoh: Membayai lawatan yang tidak perlu untuk mendapatkan satu ganjaran dalam perniagaan.

KONFLIK KEPENTINGAN


Mendapatkan atau menyediakan peluang untuk orang yang tidak berhak dan tidak berkelayakan.

Melakukan kerja-kerja peribadi menggunakan masa dan wang syarikat.

"Saya akan pilih sepupu saya walaupun dia tidak berapa layak."



“KICKBACK”



“Saya akan memberi anda 5% daripada keuntungan jika syarikat anda meluluskan kontrak saya.”

“Kickback” ialah komisen yang diberikan untuk mendorong pihak lain untuk bekerjasama dalam skim haram.

Contoh: Sebelum menandatangi satu perjanjian perniagaan bernilai RM 1 Juta, RM 200,000 (20%) telah diminta oleh satu pihak untuk memastikan kontrak tidak disabotaj.

HADIAH & HIBURAN


Kepada atau daripada kakitangan rantaian pembekal syarikat, pegawai-pegawai kerajaan dan pihak penguatkuasaan, ahli-ahli politik, dan sebagainya.

Adakah anda akan KEHILANGAN pekerjaan atau kontrak jika anda tidak memberi hadiah atau hiburan? Jika YA, maka anda sedang menuju ke arah RASUAH!



SUMBANGAN AMAL & PENAJAAN

"Mungkin saya boleh bantu menanggung perbelanjaan makan malam tahunan syarikat anda yang akan datang sebagai balasan kerana meluluskan kontrak saya."



Sogokan boleh disamarkan sebagai sumbangan amal atau penajaan. Ia tidak harus dibuat sebagai bantuan untuk sebarang urusan perniagaan, sebaliknya diberi secara terus kepada organisasi itu, dan bukan kepada individu.

SUMBANGAN POLITIK

Menyumbang kepada parti-parti politik yang mengawal urusan untuk mendapat kontrak atau permit yang berkaitan dengan syarikat anda.

"Biar saya beri sumbangan kepada parti anda sementara anda semak tender saya untuk Projek ABC."



MEMALSUKAN DOKUMEN BAYARAN

Menuntut daripada syarikat atau vendor dengan menggunakan invoice-invoice palsu atau menaikkan hadar dalam invoice sokongan yang tidak menggambarkan kos sebenar yang ditanggung.

Contoh: Seseorang menggunakan RM87 untuk membeli barang kegunaan pejabat tetapi memanipulasi resit untuk menuntut RM690.



-

KESAN NEGATIF RASUAH

-

—

KE ATAS INDIVIDU DAN PERNIAGAAN

—



**HILANG PELUANG
PEKERJAAN DAN
PENERIMAAN MASYARAKAT
SEMAKIN RENDAH**



MENGHADAPI HUKUMAN PENJARA DAN PENALTI



**TIDAK LAGI DIHORMATI,
DIPERCAYAI ATAU DIANGGAP
TIDAK BERAMANAH**



**DIANGGAP SEBAGAI
SEORANG YANG
TIDAK BERETIKA**

IKATAN KEKELUARGAAN
MENJADI GOYAH
DAN MENYEDIHKAN

MEROSAKKAN REPUTASI KELUARGA





KEJATUHAN NILAI SAHAM DAN KEUNTUNGAN

HILANG KEPERCAYAAN ORANG AWAM

Mengurangkan
kredibiliti
perniagaan





MENJEJASKAN
KECEKAPAN DAN
PRODUKTIVITI SYARIKAT

MENJEJASKAN SISTEM, PROSEDUR DAN PERATURAN-PERATURAN INSTITUSI

Merosakkan
imej dan
reputasi syarikat



KESALAHAN-KESALAHAN



MEMINTA ATAU MENERIMA SOGOKAN

Sesiapa yang meminta atau menerima sogokan sebagai dorongan atau ganjaran dalam suatu urus niaga rasmi.

S.16(a) dan 17(a) Akta SPRM 2009



MENAWARKAN ATAU MEMBERI SOGOKAN

Sesiapa yang menawarkan atau memberi sogokan kepada pegawai-pegawai sektor awam atau swasta dalam suatu urus niaga rasmi.

S.16(b) dan 17(a) Akta SPRM 2009



TUNTUTAN PALSU

Sesiapa yang membuat tuntutan palsu dalam tuntutan pembayaran.

S.18 Akta SPRM 2009



PENYALAHGUNAAN PEJABAT AWAM

Penyalahgunaan pejabat atau kedudukan oleh seorang pegawai awam dalam membuat keputusan bagi tujuan mendapat manfaat peribadi.

S.23 Akta SPRM 2009

PENALTI



HUKUMAN PENJARA DAN DENDA

Penjara: sehingga 20 tahun, dan

Denda: RM10,000/- atau 5 kali nilai suapan; yang
mana lebih tinggi.

S. 24 Akta SPRM 2009

APA YANG ANDA BOLEH BUAT UNTUK MEMBANTERAS RASUAH



AMALKAN NILAI-NILAI YANG BAIK

Pertahankan integriti, keadilan dan kesaksamaan



PENGISYIHKARAN DIRI

Katakan TIDAK kepada rasuah dan sogokan



KETAHUI HAK-HAK ANDA

Bertanya soalan dan jadilah bermaklumat



JADILAH MATA DAN TELINGA KAMI! BERITAHU KAMI!

Kongsikan cerita-cerita anda

CARA-CARA MENGHUBUNGI TI-M



1800 220 122 (BEBAS TOL)



speakup@transparency.org.my



03 7960 8690

**Tiada apa yang perlu anda
takutkan, tiada liabiliti, tiada
obligasi dan kami akan pastikan
nama anda tetap sulit.**

MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN UNTUK PANGGILAN HOTLINE

KONGSIKAN DENGAN KAMI:



Lokasi insiden (afe, pejabat, kilang...).



Berapa banyak pihak yang terlibat?



Apa dan bagaimana ia berlaku?



Jumlah dan jenis transaksi.

SOALAN-SOALAN LAZIM

SOALAN-SOALAN LAZIM

1 Apakah kegunaan Khidmat Bebas Tol TI-M 1800 220 122?

Pekerja digalakkan untuk menghubungi nombor hotline bebas tol kami untuk memaklumkan isu-isu mengenai rasuah dan sogokan. Kami akan menyediakan bimbingan dan sokongan percuma secara sulit.

Nombor hotline ini berfungsi sebagai saluran yang betul untuk kakitangan jujur yang kecewa untuk meluahkan perasaan kecewa dan marah.

TI-M menasarkan untuk menimbulkan kesedaran dan mendidik kakitangan tentang tanggungjawab dan hak mereka untuk melawan korupsi.

Nota:

TI-M ialah sebuah badan sukarela tanpa sebarang kuasa untuk menyiasat

SOALAN-SOALAN LAZIM

2 Apakah jenis sokongan yang disediakan oleh TI-M?

- Membantu mengenal pasti amalan-amalan yang korup.
- Mencadangkan penyelesaian untuk menguruskan situasi tersebut.
- Menyediakan tip-tip untuk mencegah situasi tersebut daripada berulang.
- Membantu merujuk perkara tersebut kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan jika perlu.

3 Apakah yang TI-M lakukan dengan maklumat yang diberikan?

- Nama pemanggil akan kekal sulit.
- Maklumat yang anda berikan akan dikendali secara sulit – Kes anda akan dikumpul dan diterbitkan sebagai kajian kes umum untuk tujuan pendidikan agar dapat meningkatkan kesedaran di kalangan ahli masyarakat.

GLOSARI

SOGOKAN

Penawaran, janji, memberi, menerima atau meminta sesuatu manfaat sebagai dorongan untuk satu tindakan menyalahi undang-undang, yang tidak beretika atau pecah amanah. Dorongan boleh jadi dalam bentuk hadiah, pinjaman, yuran, ganjaran atau lain-lain manfaat (cukai, perkhidmatan, derma, pertolongan dan sebagainya).

HADIAH & HIBURAN

Memberi atau menerima hadiah & hiburan menimbulkan risiko rasuah, terutamanya untuk mempengaruhi keputusan perniagaan atau mendapatkan kelebihan yang tidak adil dan saksama. Ia mungkin digunakan oleh pihak ketiga yang korup dan menyebabkan pekerja berkenaan berasa hutang budi dan bertindak secara korup.

PEMBAYARAN KEMUDAHAN

Satu sogokan yang kecil, juga dipanggil 'wang pelicin'; dibayar untuk mendapatkan atau mempercepatkan perlaksanaan sesuatu khidmatan rutin atau wajib walaupun ia adalah hak pembayar untuk mendapat perkhidmatan secara percuma.

KONFLIK KEPENTINGAN

Situasi yang mana seseorang individu atau entiti di tempat mereka bekerja, berdepan dengan pilihan antara tanggungjawab dan tuntutan kedudukan dan kepentingan peribadi.

"KICKBACK"

Satu 'komisen' yang diberi kepada seseorang sebagai balasan untuk menyediakan bantuan dalam sesuatu urusan perniagaan yang rahsia dan tidak jujur.

GLOSARI

BANTUAN

Memberi layanan keutamaan yang tidak adil kepada seseorang atau kumpulan sehingga menjaskan pihak lain.

MEMALSUKAN DOKUMEN BAYARAN

Mengubah, menukar atau mengubah suai dokumen bagi tujuan menipu orang lain.

SUMBANGAN AMAL & TAJAAN

Derma dalam bentuk kewangan atau barang yang diberi bagi tujuan untuk menyokong satu usaha murni. Ini termasuk memberi pinjaman, hadiah harta tanah, perkhidmatan, penajaan meja-meja di sesuatu acara atau kelab sukan, aktiviti-aktiviti periklanan atau promosi. Sumbangan amal dan tajaan boleh digunakan sebagai sogokan dan diminta untuk dimasukkan dalam perjanjian perniagaan.

SUMBANGAN POLITIK

Sebarang sumbangan yang dibuat dalam bentuk wang tunai atau barang untuk menyokong satu perjuangan politik agar mendapat kelebihan perniagaan yang tidak adil. Contoh-contoh termasuk: hadiah harta tanah atau perkhidmatan, aktiviti-aktiviti periklanan atau promosi yang “endorse” sesebuah parti politik dan pembelian tiket-tiket untuk acara mengumpul dana.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku panduan ini disumbangkan oleh ASEAN CSR Network Small Grants Fund melalui tajaan Kerajaan Sweden

Generous support for the handbook was provided by the ASEAN CSR Network Small Grants Fund through support from the Government of Sweden.



Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada:



BANGKITLAH MELAWAN RASUAH!

BERTINDAK SEKARANG! HUBUNGI
1800 220 122
BEBAS TOL, 9pagi - 4ptg, Isnin - Jumaat